



**JABATAN PERTANIAN MALAYSIA**  
(*Department of Agriculture Malaysia*)  
WISMA TANI  
ARAS 5-7, JALAN SULTAN SALAHUDDIN  
50632 KUALA LUMPUR

Tel: 603-2030 1400  
Faks: 603-2691 7551  
Portal Rasm : [www.doa.gov.my](http://www.doa.gov.my)  
E-mel: [pro@doa.gov.my](mailto:pro@doa.gov.my)

Ruj. Kami : JP.KRP/207/12/656/2 Jld. VII (17)  
Tarikh : 15 Mac 2024

**KEPADA YANG BERKENAAN**

**SURAT PEKELILING LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK  
BILANGAN 1 TAHUN 2024**

**Akta Racun Makhluk Perosak 1974**

**PENGESYORAN RACUN MAKHLUK PEROSAK BAGI  
TANAMAN BUKAN MAKANAN**

**TUJUAN**

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada syarikat pendaftar racun makhluk perosak tentang **pengesyoran racun makhluk perosak bagi tanaman bukan makanan**.

**JUSTIFIKASI DAN KEPUTUSAN**

1. Terdapat isu penyalahgunaan racun makhluk perosak dengan pengesyoran pada tanaman bukan makanan telah digunakan di kawasan tanaman makanan. Oleh itu, bagi memastikan keterjaminan makanan dipelihara, penilaian risiko keselamatan makanan perlu dilaksanakan secara komprehensif dan memastikan penyalahgunaan racun makhluk perosak bagi pengesyoran tanaman bukan makanan dapat dielakkan.
2. Penilaian risiko keselamatan makanan boleh dibuktikan melalui data kajian efikasi dan kajian residu berdasarkan kadar penggunaan dan sela masa semburan. Tempoh dilarang mengutip hasil (*Pre harvest interval - PHI*) juga boleh ditetapkan pada paparan label produk racun makhluk perosak bagi semua pengesyoran tanaman.

**SP.LRMP.BIL.1/2024**

**ANDA KAMI UTAMAKAN**



MS ISO 9001:2015 (DSM 000565)



MS ISO 37001:2016 (ABMS 00275)

3. Sehubungan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal, Lembaga Racun Makhluk Perosak ke-466 yang bersidang pada 1 Disember 2023 telah **memutuskan bahawa pengesyoran racun makhluk perosak bagi tanaman bukan makanan hanya dibenarkan bersama pengesyoran tanaman makanan sahaja**. Pengesyoran penggunaan tunggal pada kawasan tanaman bukan makanan sahaja tidak dibenarkan.

### **TARIKH KUATKUASA**

Tarikh kuatkuasa surat perkelling ini adalah pada **15 Mac 2024**.

Sekian, harap maklum.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(MAT ISAK BIN NGATHINEE)**  
Setiausaha  
Lembaga Racun Makhluk Perosak

s.k.:

- 1) Ketua Pengarah Pertanian
- 2) Timbalan Ketua Pengarah Pertanian  
(Pengurusan dan Regulatori)
- 3) Ahli-ahli Lembaga Racun Makhluk Perosak
- 4) Pengarah Eksekutif, Malaysia CropLife & Public Health Association (MCPA)